

05 JAN 1997

Anwar-Pas

ANWAR MINTA RAKYAT KELANTAN TOLAK KEPIMPINAN PAS

MACHANG, 4 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta rakyat Kelantan membantu Barisan Nasional (BN) untuk memerintah semula Kelantan setelah kerajaan negeri pimpinan PAS jelas gagal mentadbir Kelantan dengan berkesan.

Katanya, PAS yang memerintah Kelantan sejak memenangi pilihan raya 1990 telah gagal untuk berfungsi dengan baik malahan menghadapi pelbagai masalah serta krisis hingga terpaksa meminta bantuan kerajaan Pusat sejak akhir-akhir ini.

"Kita telah bagi peluang untuk PAS memerintah Kelantan dan mereka terbukti gagal dan sekarang adalah masa kita (BN) mula untuk memerintah," katanya ketika berucap pada ceramah perdana di Pulau Chondong dekat sini malam ini.

Semua pemimpin UMNO Kelantan termasuk pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa hadir pada majlis itu yang turut dihadiri 3,000 orang.

Beliau berkata, PAS terpaksa meminta bantuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta beliau sendiri bagi menyelesaikan isu penswastan bekalan air Kelantan yang telah membebankan rakyat ekoran ketidakcekapan PAS dalam soal pentadbiran negeri.

Anwar berkata, umat Islam di Kelantan tidak boleh menerima corak kepimpinan yang ada sekarang kerana sikap parti itu yang seolah-olah anti pembangunan hingga boleh memundurkan negara.

"Malahan jika kita ikut cara PAS memerintah kita akan jadi negara yang huru-hara seperti di Bosnia, Lubnan, Kashmir dan negara-negara lain yang huru-hara," katanya.

Anwar juga membidas sikap PAS yang sering memandang rendah usaha UMNO mengembangkan syiar Islam sedangkan usaha itu diiktiraf oleh negara-negara Islam lain.

Pada majlis itu juga Anwar berjanji akan membawa pembangunan di kawasan Pulau Chondong sekiranya calon BN Haji Yusoff Hamzah memenangi pilihan raya kecil itu Isnin ini.

Terdahulu, Annuar Musa selaku Pengarah Pilihanraya BN kawasan tersebut berkata, UMNO akan meneruskan perjuangan untuk membela rakyat walaupun BN pada pilihan raya kecil itu tewas.

UMNO tidak pernah menolak kepimpinan ulamak seperti yang didakwa oleh PAS kerana banyak pemimpin UMNO terdiri daripada golongan ulamak seperti Datuk Yusof Noor dan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Katanya, UMNO tidak menentang peribadi pemimpin PAS tetapi menentang perjuangan PAS yang cuba mengelirukan orang ramai dan memundurkan negeri ini. -- BERNAMA

RAR OBA